

Pelatih Kor SISPA akan diberi elaun tahun depan

Inisiatif ringan beban kewangan, tarik minat pelajar sertai pasukan sukarelawan

Oleh Alias Abd Rani
bhnews@bh.com.my

Batu Pahat: Pelatih Kor Siswa/Siswi Angkatan Pertahanan Awam (SISPA) akan diberi elaun bermula tahun depan untuk menarik minat pelajar menyertai pasukan sukarelawan itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan memperhalusi cadangan itu bagi meringankan beban kewangan pelatih Kor SISPA.

Beliau berkata, terdapat tiga sukarelawan di universiti iaitu Askar Wataniah, Jabatan Sukarelawan (RELA) dan Kor SISPA, namun hanya Kor SISPA yang tidak diberikan elaun.

"Saya dimaklumkan pelatih terpaksa mengeluarkan duit sendiri untuk membeli uniform dan ini pastinya menyusahkan ibu bapa terutama yang kurang berkemampuan.



Ahmad Zahid memeriksa perbarisan Kor SISPA pada Majlis Tamat Perbarisan Kor SISPA Peringkat Kebangsaan Kali Ke-15 di UTHM, semalam. (Foto BERNAMA)

"Askar Wataniah dan RELA sudah diberikan elaun termasuk pembelian uniform kerana kokurikulum di institusi pengajian tinggi (IPT) meletakkan pasukan sukarelawan di universiti ini terdiri daripada tiga," katanya selepas merasmikan Majlis Tamat Perbarisan Kor SISPA Peringkat Kebangsaan Kali Ke-15, di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), semalam.

Dirai penuh istiadat

Pada majlis itu, seramai 827 pelatih terdiri 769 berpangkat letenan muda dan 58 staf muda diraikan dengan penuh istiadat sebagai penamat latihan sebagai pegawai kadet SISPA.

Secara keseluruhan, seramai 8,764 mahasiswa berjaya menamatkan modul kokurikulum Kos SISPA yang ditauliahkan sebagai pasukan APM.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Wilayah dan Desa berkata, beliau percaya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan melakukan penyesuaian dengan memberikan jumlah elaun yang sama dengan pasukan sukarelawan lain di universiti sebagai satu syarat memenuhi kokurikulum kepada siswa dan siswi di IPT dan IPTS.